

BIBLE 316

Apakah Alkitab?

Apakah Alkitab? Alkitab adalah percakapan Tuhan kepada anda. Ia bukan hanya tentang Tuhan. Ia adalah daripada Tuhan. Ia lebih daripada sesuatu yang mengilhamkan. Ia diilhamkan (dihembuskan oleh Tuhan). Bacalah Alkitab. Dengarlah Alkitab. Berfikirilah tentangnya. Belajarlah daripadanya. Terapkanlah ia ke dalam kehidupan anda. Rasul Petrus menulis demikian, *"Seperti bayi yang baru lahir, hendaklah kamu selalu haus akan air susu suci firman Allah, supaya kamu bertumbuh subur sehingga beroleh penyelamatan,"* 1 Petrus 2:2.

Apakah yang menjadikan Alkitab unik? 66 buah buku yang terkandung di dalamnya ditulis dalam tiga bahasa (Bahasa Ibrani, Aram dan Yunani) oleh lebih daripada empat puluh orang dan merangkumi jangka masa 1,600 tahun dengan satu tema yang serupa dan konsisten dari abad ke abad. Perjanjian Baru telah disahkan ketulenannya melalui lebih daripada 5,000 naskhah purba yang penuh atau separa. Ketepatan Alkitab telah disahkan dalam nubuatan-nubuatan yang digenapi, melalui penemuan arkeologi moden, ketepatan geografi, dan hikmat Amsal yang tidak ditelan zaman. Alkitab adalah buku yang paling penting dan berpengaruh yang pernah ditulis. Tidak ada buku lain yang lebih tercetak, diedarkan, dan diterjemahkan ke dalam lebih banyak bahasa, yang telah mengubah kehidupan manusia secara berkuasa dan bertahan sekian abad lamanya. Alkitab merupakan satu-satunya autoriti muktamad dalam apa yang kita harus percayai dan bagaimana kita harus menjalankan kehidupan kita. Berbanding dengan semua buku yang lain, Alkitab tiada tandingannya.

Apakah ciri-ciri Alkitab?

Alkitab dihembuskan oleh Tuhan. *"Seluruh Kitab Suci diilhamkan oleh Allah,"* 2 Timotius 3:16.

Alkitab adalah benar. Yesus berdoa, *"Sucikanlah mereka dengan kebenaran-Mu; firman-Mu adalah kebenaran,"* Yohanes 17:17.

Alkitab tepat sehinggalah kepada hal-hal yang terperinci. Yesus berkata, *"Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu, selagi ada langit dan bumi, satu titik atau huruf yang terkecil pun tidak akan hapus daripada Taurat sebelum semuanya ternyata berlaku,"* Matius 5:18. Ketepatan naskhah-naskhah asal telah dikekalkan supaya terjemahan kini yang terbaik adalah lebih daripada 99% tepat.

Alkitab adalah murni. *"Firman TUHAN adalah murni, seperti perak yang teruji di dalam relau tanah, dimurnikan tujuh kali,"* Mazmur 12:6.

Alkitab adalah abadi. *"Rumput layu dan bunga luruh, tetapi firman Allah kita kekal selama-lamanya,"* Yesaya 40:8. Alkitab masih relevan pada masa sekarang seperti pada masa ia mula-mula ditulis.

Alkitab adalah berkuasa. Ibrani 4:12, *"Firman Allah hidup dan berkuasa, lebih tajam daripada pedang dua mata, menembusi ke garis pemisah nyawa dan roh, sendi dan sumsum, serta mengenal antara fikiran dan niat dalam hati."*

Apakah manfaat peribadi yang datang daripada Alkitab?

Alkitab melengkapi kita. *"Seluruh Kitab Suci diilhamkan oleh Allah, dan berguna untuk mengajar, menegur, membetulkan dan mendidik ke arah kebenaran. Dengan demikian, tiap-tiap orang yang mengabdikan diri kepada Allah akan dilengkapi sepenuhnya untuk melakukan segala kerja yang baik,"* 2 Timotius 3:16-17.

Alkitab menolong kita untuk tidak berdosa. Mazmur 119:9, 11 memberitahu kita bagaimana kita dapat melakukan demikian. *"Bagaimanakah seorang pemuda menyucikan jalannya? Dengan berhati-hati menurut firman-Mu"* dan *"Firman-Mu telah kusimpan baik-baik dalam hatiku supaya aku tidak berdosa terhadap-Mu."*

Alkitab memberikan kita bimbingan untuk hari ini (langkah kita yang seterusnya) dan menunjukkan arah untuk masa depan kita (jalan yang perlu diikuti). *"Firman-Mu lampu bagi kakiku dan cahaya bagi jalanku,"* Mazmur 119:105.

Alkitab memberikan kita hikmat. *"Kedatangan firman-Mu membawa cahaya; memberi pengertian kepada orang yang tulus,"* Mazmur 119:130. Hikmat yang tidak ditelan zaman didapati dalam Amsal di Perjanjian Lama.

Alkitab membantu kita menempuhi kesukaran. Mazmur 119:50 mendorong kita, *"Inilah yang melipurkan aku dalam kesakitanku; Firman-Mu memberiku hidup."*

Alkitab memberikan harapan. *"Segala yang tersurat pada masa dahulu adalah untuk menjadi pengajaran kepada kita, supaya melalui kesabaran dan penghiburan daripada Kitab Suci itu kita mendapat harapan,"* Roma 15:4.

Alkitab memberikan damai sejahtera. Mazmur 119:165 menjanjikan, *"Sungguh besar kesejahteraan mereka yang mencintai hukum-Mu, dan tiada suatu pun menyebabkan mereka tergelincir."*

Alkitab membawa sukacita. Yeremia 15:16 memberikan contoh ini, *"Firman-Mu ialah kegirangan bagiku dan kesukaan hatiku, kerana nama-Mu telah diserukan atasku."*

Bagaimanakah seseorang harus membaca atau mendengarkan Alkitab? Periksalah lebih daripada satu ayat. Pertimbangkan empat tujuan daripada *"Seluruh Kitab Suci diilhamkan oleh Allah, dan berguna untuk mengajar, menegur, membetulkan dan mendidik ke arah kebenaran,"* 2 Timotius 3:16. Semasa anda membaca atau mendengar, tanyakan empat soalan ini. Apakah yang ia ajarkan? Bagaimanakah ia menegur saya? Apakah yang saya harus betulkan? Bagaimanakah ini mendidik saya untuk menjadi lebih benar?

Bagaimana jika saya tidak memiliki Alkitab? Cubalah sedaya upaya untuk membeli terjemahan Alkitab yang baik. Jika anda tidak dapat membeli sebuah Alkitab, anda dapat membaca atau mendengar Alkitab secara percuma dalam talian. Pertimbangkan untuk membeli sebuah Alkitab bersama seorang kawan atau beberapa orang kawan dan mengongsikannya. Atau mintalah seorang di kalangan ahli gereja atau rakan-rakan anda yang percaya untuk membaca Alkitab kepada seisi kumpulan dan dengarlah dengan teliti. *"Tetapi Yesus berkata, 'Bahkan lebih diberkati lagi orang yang mendengar firman Allah dan mematuhiya,'"* Lukas 11:28.

Apakah beberapa ayat istimewa untuk para pengajar Alkitab dan pemimpin? Jadilah seorang murid Yesus yang kekal (tinggal) dalam Firman-Nya. *"Yesus berkata kepada orang Yahudi yang percaya kepada-Nya, 'Kalau kamu mengikut [tinggal dalam] ajaran-Ku, kamu murid-Ku yang sejati,'"* Yohanes 8:31. Pelajarilah Alkitab supaya anda berkenan dengan-Nya. *"Berusahalah supaya ternyata kamu diredai Allah, seorang pekerja yang tidak perlu berasa malu, yang menyebarkan kebenaran dengan sewajarnya,"* 2 Timotius 2:15.

Mengapakah Alkitab penting secara abadi? Rasul Yohanes telah menjelaskan tujuan dia menulis Injilnya. Tujuan tersebut dapat digunakan untuk seluruh Alkitab. *"Yesus telah melakukan banyak lagi mukjizat di hadapan murid-murid-Nya, tetapi tidak ditulis dalam kitab ini. Tetapi segala yang telah ditulis di sini bertujuan supaya kamu percaya bahawa Yesus ialah Kristus, Anak Allah, dan kerana kamu percaya kepada-Nya, kamu akan memperoleh hidup dalam nama-Nya,"* Yohanes 20:30-31. Bagaimanakah anda percaya dalam Yesus dan memiliki kehidupan yang kekal? Ketahuilah caranya di www.Gospel316.org.

"Rumput layu dan bunga luruh, tetapi firman Allah kita kekal selama-lamanya." Yesaya 40:8